



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KEMERIAHAN SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2016 DIRASAI OLEH WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN DI BANDAR TUN RAZAK

KUALA LUMPUR, 20 Februari 2016 – Kenduri 1Wilayah Persekutuan (1WP) Peringkat Parlimen Bandar Tun Razak yang diadakan di Flat Seri Kota, Persiaran Ikhlas, Bandar Tun Razak, KL dihadiri kira-kira 2500 orang warga Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. Program ini disempurnakan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan.

2. Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara komuniti khususnya di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur selain dapat bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti gotong-royong kebersihan dan gotong-royong sesi memasak secara beramai-ramai. Selain itu, menerusi Kenduri 1WP ini juga turut menjadi medium bagi memperkukuhkan persefahaman, perpaduan dan ukhuwah sesama warga Wilayah Persekutuan khususnya bagi komuniti Parlimen Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.

3. Pemilihan kawasan Kenduri 1WP di Flat Seri Kota, Persiaran Ikhlas, Bandar Tun Razak adalah sangat strategik yang mana ianya berdekatan dengan kawasan perumahan komuniti dan stesen LRT yang memudahkan orang ramai untuk menyertai Kenduri 1WP. Pelbagai aktiviti turut dijalankan sepanjang program berlangsung seperti ceramah perdana, gotong-royong kebersihan, senamrobik, pertandingan mewarna kanak-kanak, futsal, karaoke, gerai pameran, persembahan pentas, cabutan bertuah

dan juga gotong-royong memasak juadah kenduri oleh warga Bandar Tun Razak. Melalui konsep gotong-royong yang diterapkan dalam program Kenduri 1WP ini, warga Wilayah Persekutuan berpeluang untuk merasai kemeriahan suasana kenduri sambil menjamu selera dengan juadah yang dimasak sendiri secara beramai-ramai. Malahan konsep gotong-royong ini juga dapat memeriahkan dan menceriakan lagi warga kota khususnya di Bandar Tun Razak. Dengan amalan ini, ianya bukan sahaja dapat menjimatkan kos dan masa tetapi mengeratkan perpaduan sesama masyarakat setempat.

4. Bersempena dengan program Kenduri 1Wilayah Persekutuan turut diadakan aktiviti Gotong-Royong Kebersihan dan Cegah Denggi bersama komuniti Bandar Tun Razak. Ini dapat membangkitkan kesedaran masyarakat akan bahaya ancaman penyakit demam denggi yang disebabkan oleh nyamuk aedes dan merupakan salah satu daripada pendekatan Strategi Lautan Biru (NBOS) dalam menggabungkan program-program yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan terutama diperingkat Kementerian dengan program-program yang dilaksanakan oleh NGO dan badan-badan korporat.

5. Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan khususnya warga Parlimen Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur dapat mengukuhkan hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan dan kekitaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat sejahtera dan ceria. Selain itu program ini juga dapat menyuntik semangat sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan warga Wilayah Persekutuan terus dikekalkan bagi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur
20 Februari 2016